

09/08/2001

Tawaran ketua Afta penghargaan untuk Malaysia

MEDIA asing sering memomokkan Malaysia dengan pelbagai gambaran negatif. Daripada kononnya Malaysia membenci rakyat Amerika Syarikat, demonstrasi jalanan digembar-gemburkan berleluasa hinggalah kepada jerebu yang mengancam kesihatan, negara ini diharapkan mereka akan akhirnya porak-peranda. Agenda tersembunyi mereka termasuk menakutkan pelabur asing daripada menanam modal di negara ini, yang dipercayai mereka lambat-laun akan memaksa kepemimpinan Malaysia tunduk kepada apa saja kemahuan pihak yang menaungi mereka.

Begitupun, cadangan tokoh perniagaan yang mewakili 40 firma terkemuka Amerika kelmarin supaya Malaysia mengetuai pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), menunjukkan publisiti negatif mengenai negara ini tidak semestinya dipercayai. Biarpun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara pemimpin yang paling lantang mengkritik dasar tertentu Amerika, kalangan tokoh perniagaan sedar teguran Perdana Menteri lebih kepada dasar yang dilihat menekan negara membangun seperti Malaysia.

Hubungan perniagaan Amerika-Malaysia yang dilihat tokoh perniagaan terbabit sebagai sangat baik adalah sesuatu yang amat menggalakkan. Berlawanan dengan yang digembar-gemburkan media asing, Malaysia sebenarnya amat terbuka dalam menerima pelaburan langsung asing dengan menawarkan pelbagai insentif menarik. Hakikat bahawa tokoh perniagaan terkemuka Amerika mahukan Malaysia mengetuai pelaksanaan Afta adalah dengan sendirinya satu penghormatan dan pengiktirafan kepada negara ini dan dasar-dasar yang diamalkannya biarpun media asing enggan melihatnya demikian.

(END)